



ARTIKEL

Sistem Imun di dalam Usus

Sistem imun adalah barisan pertahanan pertama untuk memastikan Si Manja kekal sihat. Sebahagian besar daripada sistem tersebut terdapat di dalam ususnya.

**2 minit
hingga baca**

Sistem imun adalah barisan pertahanan pertama untuk memastikan Si Manja kekal sihat. Sebahagian besar daripada sistem tersebut terdapat di dalam ususnya. Usus adalah organ imun terbesar dalam badan dan 80% daripada sel penghasil antibodi terdapat di dalam usus. Oleh sebab itu, ia adalah penting untuk menyokong **sistem gastrousus** Si Manja yang sedang membesar.

Makanan Si Manja sering mengandungi pelbagai jenis kuman. Sistem pertahanan badan di dalam usus akan bertindak untuk membuang kuman yang mungkin berbahaya. Air liur yang terdapat di dalam mulut adalah sebahagian daripada sistem pertahanan ini. Ia mengandungi enzim yang boleh membunuh bakteria berbahaya. Bacteria yang terselamat akan dibawa oleh makanan ke dalam perut pula dan dimusnahkan oleh asid gastrik. Tisu Limfoid Berkaitan-Usus (GALT) kemudiannya bertindak untuk melindungi badan daripada sebarang serangan bakteria dengan mensasarkan secara spesifik terhadap kuman dan bakteria berbahaya melalui tindakan sel-sel sistem imun.

Saluran gastrousus juga didiami oleh bakteria berfaedah, ataupun probiotik yang memainkan peranan yang penting untuk memastikan **usus dan badan Si Manja yang sihat**. Probiotik membantu meningkatkan pertumbuhan bakteria berfaedah yang lain untuk menyekat pembiakan kuman dan bakteria berbahaya. Jika usus tidak sihat, Si Manja akan mudah dijangkiti penyakit tertentu.

Kesihatan usus Si Manja boleh dipertingkatkan dengan menambah probiotik ke dalam pemakanan hariannya. **Probiotik** sering ditemui dalam makanan tertentu seperti yogurt dan susu formula untuk kanak-kanak yang diperkaya dengan **probiotik**, seperti **LACTOKID™ COMFORTIS® 3**. Ia adalah susu formula yang dirumus khas untuk kanak-kanak berumur 1-3 tahun dan diperkaya dengan kebaikan probiotik *L. reuteri* untuk mengurangkan risiko sembelit, dan menyokong perut yang selesa agar Si Manja sentiasa ceria! Dengan 0% sukrosa tambahan, ia mengandungi kombinasi 15 vitamin dan mineral yang memenuhi keperluan nutrisi Si Manja.